

04 JAN 2000

DR MAHATHIR NASIHAT PENGGUNA JALAN JANGAN TERLALU GOPOH

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengguna jalan raya harus berhati-hati dan jangan bertindak terlalu gopoh ketika dalam perjalanan ke mana jua terutamanya pada musim perayaan.

Katanya, mala-petaka jalan raya sering berlaku kerana pengguna tidak berjaga-jaga dan terlalu gopoh tanpa mengambil kira kemungkinan mereka menjadi mangsanya.

"Mungkin tahun ini mereka bertindak gopoh dan selamat tetapi tahun depan mungkin mereka menjadi mangsa. Jangan ingat ini (kemalangan) berlaku pada orang lain sahaja, Ia boleh berlaku pada kita juga," katanya dalam temuramah dengan RTM selepas merakamkan perutusan Aidilfitri di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, dekat sini.

Beliau berkata demikian bila ditanya mengenai kemalangan jalan raya yang sudah mengorbankan seramai 130 orang sejak operasi Ops Statik IV dilancarkan pada 23 Dis lepas.

Dr Mahathir berkata jika semua pengguna jalan raya bersabar dan tidak gopoh walaupun sampai ke destinasi lewat 10 minit, mereka akan tetap sampai.

"Tetapi kalau gopoh dan tidak menghiraukan kemungkinan mala-petaka berlaku, mungkin kita tidak akan sampai langsung ke destinasi kita," katanya.

Beliau juga merasa dukacita kerana walaupun pelbagai pihak termasuk polis telah menasihati pengguna jalan raya supaya sentiasa mengamalkan pemanduan berhemat, namun nasihat itu tidak dipedulikan sama-sekali.

-- BERNAMA

ARA NMO